

Minta dalamkan Sungai Bernam

Langkah itu dilihat wajar bagi mengatasi masalah ban runtuh berpunca daripada bot nelayan

■ MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

SABAK BERNAM - Kejadian fenomena air pasang besar dan hakisan tanah hingga mengakibatkan ban di Sungai Air Tawar mendap dan runtuh berpunca daripada kebanyakan bot nelayan menggunakan laluan Sungai Bernam di kawasan perairan Selangor.

Adun Sungai Air Tawar, Kamarol Zaki Abdul Malik berkata, gelombang besar yang terhasil berikutan memandu bot laju didapati memberi kesan sampingan ke atas struktur tanah di tebing sungai berkenaan.

Menurutnya, kebanyakan bot itu terpaksa melalui Sungai Bernam di perairan Selangor berbanding di laluan sungai sama di sempadan Perairan Perak disebabkan keadaan air-

nya yang cetek.

"Kita dapati bot sama ada ingin pergi dan pulang ke laut akan melalui muara Sungai Bernam di Selangor berbanding menggunakan laluan di sebelah Perak.

"Keadaan ini sudah tentu mengakibatkan hakisan dan mendapan tanah bertambah serius jika tiada jalan penyelesaian diambil dalam tempoh terdekat," katanya selepas meninjau ban Sungai Air Tawar yang runtuh telah dibaik pulih, semalam.

Sehubungan itu, Kamarol Zaki meminta supaya kerajaan negeri Perak mengambil tindakan sewajarnya dalam menangani perkara itu termasuk mendalamkan lagi Sungai Bernam sepanjang lima kilometer di perairan negeri itu.



Kamarol Zaki (tengah) bersama-sama wakil JPS dan penduduk kampung meninjau keadaan Ban Sungai Air Tawar yang pecah dan mendap akibat fenomena air pasang besar, yang telah dibaikpulihan kelmarin.

"Tindakan mendalamkan sungai ini penting sebab saya dimaklumkan bahawa pengangkutan air ini hanya melalui Sungai Bernam di per-

airan Selangor," katanya.

Dalam pada itu, katanya, kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak 3.5 juta kepada Jabatan Pengairan dan

Bagaimanapun, tegasnya, projek yang dilaksanakan itu tidak menyeluruh, sebaliknya masih memerlukan sebanyak 10 juta lagi untuk kerja-kerja baik pulih benteng sejauh lima kilometer yang turut terancam akibat fenomena sama bermula dari Benteng Sungai Lang hingga ke Sungai Apong

"Kebanyakan pokok hutan dan bakau di kawasan ini ditebang mereka (anak syarikat kerajaan negeri) untuk projek tanaman kelapa sawit.

"Saya minta supaya kerajaan negeri bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kemusnahan yang berlaku ini hingga mengakibatkan penduduk di kawasan berhampiran berisiko tinggi dilanda banjir setiap kali fenomena air pasang besar," katanya.

Saliran (JPS) bagi kerja-kerja baik pulih benteng Sungai Lang sepanjang 700 meter yang dijangka bermula pada November depan.